



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

SIARAN MEDIA

EAIC TINGKAT KESEDARAN PENGHIJAUAN MELALUI E.R.A.T EAIC ALAM SEKITAR

Port Dickson, Negeri Sembilan, 9 Disember 2023 – Sebanyak 150 spesies pokok telah ditanam oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perhutanan (PERHUTANAN) Negeri Sembilan melalui Program *E.R.A.T* (*Encouraging Responsibility, Accountability, Trustworthiness*) EAIC Alam Sekitar, di Denai Warisan Hutan, PD Forest, Sungai Menyala.

Tuan Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Operasi EAIC berkata program tersebut merupakan usaha memupuk kesedaran, akauntabiliti dan integriti terhadap penghijauan alam sekitar serta usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem. Menurutnya, selain daripada memenuhi tuntutan tanggungjawab sosial korporat, program tersebut adalah komitmen EAIC terhadap Program Penghijauan Malaysia dan sejajar dengan matlamat Kempen Penanaman 100 juta pokok 2021-2025 melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

“Antara spesies pokok yang ditanam termasuk Meranti Tembaga, Merawan Siput Jantan, Tampoi dan Kundang dengan menggunakan kaedah penanaman kawasan bukaan silara (*gap planting*) bersesuaian dengan keadaan tanah di Hutan Simpan Denai Warisan Hutan di PD Forest. Matlamat kami adalah untuk mendidik dan mempromosikan kepentingan alam semula jadi di samping menyediakan habitat semula jadi untuk flora dan fauna kita,”

Program telah disertai oleh 145 warga kerja EAIC bersama pegawai dan kakitangan agensi penguatkuasaan seliaannya JAS serta PERHUTANAN Negeri Sembilan.

-TAMAT

Dikeluarkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

EAIC adalah sebuah badan berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen bertanggungjawab memantau dan menjalankan siasatan terhadap aduan orang ramai mengenai salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

TEGAS TELUS EFISIEN